

Wanita hamil disarankan tangguh ambil vaksin

Kuala Lumpur: Wanita mengandung dan yang menyusukan anak disarankan menangguhkan pengambilan vaksin COVID-19 Pfizer-BioNTech bagi mengelak sebarang kesan sampingan yang mungkin wujud.

Pensyarah Perubatan Mikrobiologi Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Niazlin Mohd Taib, berkata ini kerana buat masa ini belum ada bukti klinikal untuk menyokong penggunaan vaksin itu dalam kalangan golongan berkenaan.

"Ibu mengandung tidak boleh mengambil vaksin yang menggunakan *live virus* dan kalau ikutkan vaksin Pfizer-BioNTech ini tidak menggunakan *live vi-*

rus, tetapi ia menggunakan *messenger ribonucleic acid* (mRNA).

"Jadi sepatutnya tidak menjadi masalah untuk ibu mengandung dan yang menyusukan bayi mengambil vaksin berkenaan memandangkan ia adalah mRNA.

"Namun, kerana tidak ada data lagi, termasuk daripada Pfizer sendiri, maka kalau boleh tunggu dahulu," katanya dalam program Koresponden yang disiarkan secara langsung menerusi *Bernamea TV* di sini, semalam.

Mengenai alahan yang mungkin wujud pada mereka yang menerima suntikan vaksin COVID-19, beliau berkata orang ramai tidak usah khuatir jika tidak mempunyai apa-apa alahan



Buat masa ini belum ada bukti klinikal untuk menyokong penggunaan vaksin Pfizer-BioNTech bagi golongan wanita mengandung dan menyusukan anak.

Niazlin Mohd Taib,
Pensyarah Perubatan
Mikrobiologi UPM

terhadap kandungan di dalam vaksin itu.

Beliau berkata, vaksin Pfizer-BioNTech, selain mRNA sebagai kandungan aktif utama, ia juga mempunyai pelbagai bahan kimia yang tidak aktif, termasuk *polyethylene glycol* (PEG) yang berkemungkinan menyebabkan alahan.

"PEG sebenarnya diguna pakai dalam kehidupan seharian seperti dalam pengawet makanan dan minuman serta kadang-kadang ada dalam krim untuk kulit.

"Apa yang penting, kita sendiri tahu apakah alahan kita terhadap makanan ataupun ubat-ubatan, dan maklumkan kepada

pegawai kesihatan ketika hendak mendapatkan suntikan vaksin terbabit," katanya.

Niazlin berkata, bagaimanapun mereka yang mempunyai alahan tetap boleh mengambil suntikan itu dengan langkah berjaga-jaga, malah akan ada pekerja bahagian kecemasan bersedia untuk bertindak segera sekiranya berlaku alahan.

Katanya, mereka yang pernah mendapat alahan teruk terhadap vaksin sebelum ini tidak digalakkan mengambil suntikan itu, malah mereka yang mempunyai imuniti yang sangat rendah termasuk melalui kimoterapi, dikesualikan daripada mengambil vaksin berkenaan. **BERNAMA**